

TARIKH	30 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	NASIONAL

## Tabung Haji puas hati operasi urus jemaah

**Sepang:** Tabung Haji berpuas hati dengan operasi dan pengurusan lebih 28,000 jemaah Malaysia yang menunaikan ibadah haji di Makkah dan Madinah, Arab Saudi pada tahun ini.

Kumpulan terakhir 351 jemaah haji Malaysia termasuk 30 petugas Tabung Haji selamat kembali ke tanah air dengan menaiki pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH8291 yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLLA) di sini, kira-kira jam 1.45 petang semalam.

### Berpuas hati

Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor, berkata pihaknya berpuas hati kerana semua urusan haji tahun ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah besar.

Katanya, beliau juga gembira dan bersyukur kerana bilangan jemaah haji Malaysia yang meninggal dunia di tanah suci pada musim haji kali ini berkurangan kepada hanya 54 orang (36 jemaah lelaki dan 18 wanita) berbanding lebih 70 jemaah pada 2011.

"Ketika ini, masih ada tujuh jemaah haji Malaysia yang dirawat di hospital termasuk empat jemaah di tanah suci

Makkah dan tiga jemaah di Madinah. Kita akan tunggu dan pantau keadaan kesihatan mereka bagi membawa pulang mereka secepat mungkin," katanya pada sidang media selepas menyambut ketibaan kumpulan terakhir jemaah haji Malaysia, di sini semalam.

Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail berkata, pihaknya kini menjalankan kajian terperinci berhubung kesan pembangunan pesat di Makkah dan Madinah, terutama pembesaran bangunan Masjidil Haram, terhadap kos operasi dan penginapan haji pada tahun depan.

Katanya, ini kerana projek pembesaran Masjidilharam mungkin akan mengakibatkan bilangan bilik hotel penginapan menjadi semakin kurang, sekali gus meningkatkan kadar sewanya.

"Tabung Haji akan mencari jalan dan berbincang dengan pihak berkenaan bagi membolehkan pihak kami menyerap peningkatan kos operasi serta penginapan jemaah haji Malaysia pada musim depan," katanya.



**Abi Musa Asa'ari (dua dari kanan) bersama Ismee (kanan) bersalam dengan jemaah haji penerbangan terakhir yang selamat pulang ke tanah air di Balai Ketibaan KLLA, semalam.**

(FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH)